

NAẒM AL-JURJANIYY AND HALLIDAY'S SYSTEMIC FUNCTIONAL LINGUISTICS (SFL) APPROACH IN QURANIC TEXT STUDY

PENDEKATAN NAẒM AL-JURJĀNIY DAN HALLIDAY'S SYSTEMIC FUNCTIONAL LINGUISTICS (SFL) DALAM KAJIAN TEKS AL-QURAN

Khairul Asyraf Mohd Nathir¹

¹ (Corresponding author) Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. khai.asyraf@usim.edu.my

Abstract	<p><i>Context of situation is one of the main types of language in understanding a verse of the Quran, especially involving in judgement day. This article will discuss the views and differences between the two main theories that involve the context of the situation namely Nazm by al-Jurjaniyy and Sytemic Functional Lingutistic by Halliday. The comparative approached is made to see the elements that applied in both of theories by using the main reference produced by al-Jurjaniyyy and Halliday related to their theory. The findings show that the use of Systemic Functional Linguistic by Halliday is more open and appropriate to the context of the current and future situations.</i></p> <p><i>Keywords: Situation, Language, Differences; Nazm; Systemic Functional Linguistic.</i></p>
Abstrak	<p><i>Konteks situasi merupakan antara satu gaya bahasa yang utama dalam memahami sesuatu ayat al-Quran khususnya melibatkan perkhabaran peristiwa masa akan datang dan perkara ghaib. Artikel ini akan membincangkan tentang pandangan dan perbezaan di antara dua teori utama yang melibatkan konteks situasi iaitu nazm oleh al-Jurjaniyy dan Systemic Functional Lingutistic oleh Halliday. Penggunaan metodologi perbandingan dibuat bagi melihat elemen yang diterapkan dalam kedua-dua teori tersebut dengan merujuk kepada karya yang dihasilkan oleh al-Jurjaniyyy dan Halliday berkaitan teori mereka. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan penggunaan kaedah Systemic Functional Linguistic oleh Halliday adalah lebih terbuka dan bersesuaian dengan konteks situasi semasa dan masa akan datang.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Situasi, Bahasa, Perbezaan; Nazm; Systemic Functional Linguistic.</i></p>

PENDAHULUAN

Gaya Bahasa merupakan salah satu unsur utama yang menjadi perbincangan dalam kalangan pengkaji bahasa sama ada melibatkan bahan bercetak seperti al-Quran, hadis, teks sastera dan karya bertulis yang lain serta bahan tidak bercetak yang melibatkan perbualan, sesi dialog, ceramah, perdebatan dan lain-lain. Setiap ayat yang digunakan memerlukan satu bentuk disiplin bahasa yang teliti bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat diterima oleh pembaca dan pendengar.

Permasalahan ini telah diteliti oleh sarjana terkemuka dalam bahasa Arab iaitu 'Abd al-Qahir al-Jurjaniyy yang telah memperkenalkan teori *nazm* yang berfungsi mengkaji bentuk-bentuk ayat yang digunakan secara mendalam. Salah satu perbincangan utama dalam teori tersebut adalah melihat konteks situasi yang membolehkan sesuatu ayat dibentuk dengan kaedah yang tertentu. Pendekatan yang digunakan ini lebih menonjol apabila penekanan terhadap ayat al-Quran diguna pakai. Hasilnya, setiap ayat al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT ternyata mempunyai makna yang lebih mendalam selari dengan perkembangan masa dan ilmu sesuatu zaman.

Kemunculan teori *nazm* telah menjadikan pengkajian terhadap nas-nas bertulis lebih terbuka yang menyebabkan ramai pengkaji pada ketika itu melihat teori ini sebagai pembaharuan yang perlu digunapakai bagi memastikan perkembangan bahasa khususnya bahasa Arab terus mendapat perhatian dunia dengan penemuan bahan-bahan yang lebih menarik. Perkara ini terus menarik pengkaji-pengkaji dari barat untuk melihat dan mengadaptasi kaedah yang digunakan oleh al-Jurjaniyy (1994) dalam kajian mereka. Hasilnya teori konteks situasi *Halliday's Systemic Functional Linguistics (SFL)* diperkembangkan dan menjadi salah satu kaedah yang menarik dalam mengkaji bentuk-bentuk teks yang berbeza dan lebih kompleks.


Apabila disusuli dengan mendalam, terdapat beberapa perbezaan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh Hallidays dalam teorinya. Pendekatan ini secara jelas meletakkan kajian terhadap teks-teks bercetak ini lebih terkehadapan dan tertumpu kepada hasil yang akan diperolehi khususnya melibatkan kajian-kajian teks bahasa tentang situasi masa hadapan seperti tanda dan kronologi kiamat. Justeru itu, tujuan penelitian dijalankan adalah untuk melihat kesinambungan teori yang dikemukakan oleh al-Jurjaniyy dan pendekatan tambahan yang dilakukan oleh Halliday.

AL-NAZM AL-JURJANIYY

Teori *nazm* oleh al-Jurjaniyy (1994) merupakan konsep utama yang digunakan dalam dua karya beliau iaitu; *Asrar al-Balaghah* (1999) dan *Dala'il al-I'jaz* (1994). Teori ini mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan pengkaji khususnya melibatkan uslub al-Quran dan hadis. Dalam teori *nazm* ini, al-Jurjaniyy (1994) memperincikan tentang hakikat bahasa yang menyatakan bukan semata-mata sejumlah lafaz yang dikumpulkan menjadi sesuatu ayat, namun lebih kepada susun atur lafaz yang membina ayat dari sudut struktur tatabahasa yang lengkap.

Ini jelas menunjukkan bahawa, bahasa al-Quran yang diturunkan telah sempurna dari pelbagai sudut disiplin ilmu bahasa. Kesempurnaan sesuatu ayat adalah bergantung kepada dua aspek utama iaitu *balaghah* dan metafora. Berdasarkan dua aspek ini, maka al-Jurjaniyy menjadikannya sebagai panduan bagi menghuraikan kesempurnaan *fasahat al-Qur'an* yang merupakan teks paling sempurna daripada kecacatan bahasa dan istilah.

Dalam hal ini, para sarjana bahasa Arab silam dan moden telah mengaplikasikan dan menjadikan teori *nazm* ini sebagai panduan utama dalam penulisan tafsir mereka. Antaranya al-Zamakhshariyy (w: 538H), Abu Hayyan al-Andalusiyy (w: 745H), al-Alusiyy (w: 1207H) dan Ibn 'Asyur (w: 1390H). Selain itu juga, para sarjana bahasa Arab moden turut menjadikan teori ini sebagai asas perbincangan dan perbincangan mereka khususnya dalam bidang semantik Arab atau ilmu *ma'ani*. Antaranya Ahmad Matlub (1981), Muhammad Abu Musa (1996), Fadl Hassan 'Abbas (1997), Fadil Salih al-Samarra'iyy (2003), Salah 'Abd al-Fatah al-Khalidiyy (2008) dan 'Abd al-Fatah Lasyin (2009). Proses penghasilan ujaran berasaskan teori *nazm* boleh digambarkan menerusi rajah berikut:



Rajah 1.1: Teori Nazm Oleh 'Abd Qahir Al-Jurjaniyy

Pengertian Nazm

Perkataan *nazm* secara umumnya merupakan kombinasi tiga huruf (ن - ظ - م) yang membawa maksud susunan, jalinan, pertautan, hubungan, kombinasi dan sebagainya. Para sarjana bahasa telah membahaskan maksud perkataan ini secara terperinci melalui karya agung mereka. Ibn Faris (1994) menjelaskan, perkataan *nazm* ini membawa maksud susunan sesuatu dan perkaitan yang wujud antaranya, seperti “Aku menyusun manik dengan satu karangan” atau “Aku menyusun syair”. Kenyataan tersebut disokong oleh Al-Zamakhshariyy (1987) melalui (نَظَمْتُ الدَّرَّ وَنَظَّمْتُهُ) “aku mengarang batu permata” dan “aku menjadikannya karangan”. Al-Raziyy (1981) pula menjelaskan maksud *nazm* melalui contoh النَّوْلُ iaitu menyusun atau mengarang mutiara dalam satu rantai, النَّظَامُ pula menjelaskan maksud tali yang mengarang batu permata.

Ibn Manzur (1994) pula menegaskan bahawa, *nazm* membawa erti pertalian, pertautan, rantaian dan karangan yang wujud melalui satu perkataan dengan perkataan yang lain. Beliau menjelaskan bahawa, perkaitan yang wujud melalui proses mengumpul batu permata, menjalin dan menggabungkan antara setiap satu daripadanya dalam satu rantaian sehingga membentuk satu rantai yang lengkap adalah *nazm*. Proses yang dikemukakan tersebut adalah merujuk kepada kaedah membentuk satu bait syair yang indah melalui pengabungan sejumlah perkataan yang khusus sehingga menjelaskan maksud sebenar *nazm*.

Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan, “ketahuilah, kedudukan *nazm* itu tidak boleh dinyatakan kecuali setelah kamu meletakkan suatu kalam pada tempatnya mengikut pandangan ilmu nahu yang berfungsi berdasarkan peraturan dan usul-usulnya, mengetahui sistem yang diikuti, memelihara batasan yang telah ditetapkan, dan tidak melangkai sesuatu daripadanya”.

Konsep *nazm* yang diketengahkan oleh ‘Abd Qahir al-Jurjaniyy (w: 471), bukanlah istilah yang pertama kali diaplikasikan melalui karya agung beliau iaitu *Asrar al-Balaghah* dan *Dala’il al-I’jaz*, bahkan telah digunakan oleh Al-Jahiz (w: 255) yang merupakan sarjana sastera beraliran Muktazilah melalui karya beliau iaitu kitab *Nazm al-Qur’an*, namun karya tersebut telah hilang berdasarkan pandangan para sarjana sejarah.

Al-Jahiz (1968) menjelaskan, konsep *nazm* ini adalah berkait rapat dengan kedudukan i’jaz al-Quran yang menjadi tunjang utama dalam struktur ayat-ayat al-Quran yang indah. Ketinggian *nazm* al-Quran ini jelas meletakkan al-Quran sebagai kitab suci yang tidak mampu bagi manusia untuk mendatangkan yang seumpama dengannya walaupun dengan satu bentuk ayat yang sama.

Justeru itu, penelitian yang digariskan oleh al-Jurjaniyy terhadap *nazm* adalah melibatkan penambahbaikan terhadap konsep *nazm* yang telah dibangunkan oleh para sarjana terdahulu. Melalui peranan tersebut, maka al-Jurjaniyy dianggap sebagai pengembang dan penyempurna konsep *nazm* ini.

NAZM MENURUT ‘ABD QAHIR AL-JURJANIYY

Dalam konteks memahami perincian teori ini, istilah asas yang dikemukakan oleh al-Jurjaniyy (1994) adalah merujuk kepada hubungan atau perkaitan yang wujud antara lafaz atau perkataan. Perincian ini melibatkan pengandaian yang dibuat melalui teori *nazm* berkaitan hubungan erat yang wujud antara perkataan dengan perkataan yang lain dalam satu ayat (Ahmad, 2006):

“*Sebagaimana diketahui, istilah nazm adalah tidak wujud kecuali terdapat perkaitan atau hubungan di antara perkataan seterusnya yang menjadikan sebahagian daripada perkataan tersebut sebagai perantara kepada perkataan yang lain*”.

Berdasarkan pemahaman tersebut, makna sesuatu perkataan tidak akan berfungsi secara sempurna jika tiada perhubungan yang wujud dengan perkataan yang lain, melainkan apabila terbitnya hubungan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain. Keadaan yang wujud ini akan menghasilkan perbezaan makna yang akan menyerlahkan susunan dan kedudukan perkataan sesuai dengan sifat perkataan tersebut. Al-Jurjaniyy melalui teorinya menegaskan tiga tunjang utama iaitu:

- a. *Nazm* makna.
- b. *Nazm* konteks linguistic.
- c. *Nazm* konteks situasi.

Berdasarkan tiga tunjang tersebut, pemahaman terhadap makna merupakan asas yang perlu dilihat secara mendalam melalui elemen-elemen yang telah diperhalusi oleh al-Jurjaniyy. Beliau menjelaskan kedudukan *nazm* dalam kitab *Dala’il Al-I’jaz* dengan membawa perbincangan yang terperinci berkaitan *nazm al-kalam*, *nazm al-Huruf*, *nazm* yang didasarkan kepada *tarkib nahwiyy*, *nazm al-kalam* melalui aspek *balaghah*, *nahwu* dalam *nazm al-kalam*, *nazm al-kalam* berdasarkan makna dan tujuan, *al-nazm yatahadda fi al-wad’ wa yaduqqu fih al-shu’n* (*Nazm al-Quran yang unggul dan samar susunannya*), bab *al-lafz wa al-nazm*, *lafaz* dan *nazm* dalam hikayah, *kawn al-nazm bi tawakkhhi ma’ani al-nahwiyy* dan lain-lain (al-Jurjaniyy, 1994).

Berdasarkan konsep tersebut, al-Jurjaniyy juga menjelaskan perbezaan yang wujud antara huruf-huruf yang tersusun (*harf manzumah*) dengan kalimah yang tersusun (*kalimah manzumah*) berdasarkan bunyi huruf dan keserasian antara satu huruf dengan

huruf yang lain. Namun, susunan huruf berdasarkan sebutan penutur semata-mata tidak menghadirkan makna yang sempurna tanpa melalui kaedah *nahwu* yang tepat.

Berasaskan perkara tersebut, maka al-Jurjaniyy telah meletakkan satu kaedah *al-maziyyah* iaitu kesempurnaan lafaz yang dibahagikan kepada dua sumber utama. Pertama, unsur *balaghah* yang meliputi elemen-elemen struktur dan bentuk seperti *al-taqdīm wa al-ta'khir*, *al-fasl wa al-wasl*, *al-hashr*, *al-hazf* dan lain-lain. Kedua, unsur metafora yang menjelaskan elemen *bayān* seperti *tashbih*, *isti'arah*, *majaz* dan lain-lain. Maka, kedua-dua sumber ini jelas meletakkan kesempurnaan fasahah al-Quran pada tempat yang paling tinggi dalam bahasa Arab.

Nazm Makna

Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan bahawa, sesuatu makna yang terkandung dalam lafaz adalah bertitik tolak daripada *nazm* yang merupakan susunan tertentu daripada satu rangkaian kata yang dihasilkan melalui lintasan dalam fikiran. Setiap lafaz akan tersusun secara langsung berdasarkan pemahaman makna yang terbit dalam fikiran tanpa menyusun kembali kedudukan lafaz tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa, susunan makna tatabahasa yang terbit adalah melalui fikiran penutur dan bukannya melalui struktur perkataan yang wujud dalam bentuk ayat (Tammam Hassan, 1979).

Justeru itu, *nazm* merupakan susunan perkataan dalam pertuturan yang terhasil daripada susunan makna dalam hati. Dengan kata lain, susunan tersebut adalah selari dengan makna yang diingini berdasarkan kedudukan lafaz yang dituturkan ('Abbas, 1997)

Dalam konteks ini, perbezaan susunan huruf dengan susunan kata merupakan perkara yang amat penting dalam menjelaskan makna sesuatu ayat. Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan:

"Antara perkara yang perlu dijelaskan selepas fasal ini adalah perbezaan yang wujud antara susunan "huruf" dengan "kata". Susunan huruf merupakan rangkaian kata pertuturan yang tidak melibatkan makna dan tidak perlu difikirkan berkaitan makna yang dikehendaki seperti susunan huruf رَضٍ tempat ضَرْبٍ yang tidak memberi apa-apa kesan. Namun, susunan kata adalah berbeza kerana melibatkan pemahaman terhadap makna yang dikehendaki. Dalam konteks ini, nazm adalah merupakan suatu susunan rangkaian kata yang mengambil kira setiap elemen yang wujud dan bukan gabungan yang sekadar perletakkan perkataan sahaja. Justeru itu, kata nazm adalah bertepatan dengan kata jalin, susun, himpun, kumpul, rangkai, bina dan seumpama denganya. Pemahaman nazm juga penting dalam memberi gambaran yang jelas tentang keadaan hubung kait antara satu kata dengan kata yang lain dalam satu rangkaian sehingga terbit sebab-sebab yang memungkinkan perletakkan sesuatu kata tersebut. Seheinggakan jika perletakkan kata tidak bertepatan dengan tempatnya, maka makna sesuatu kata tersebut adalah tidak tepat" (al-Jurjaniyy, 2004).

Nazm Konteks Linguistik (Nahwu)

Nazm dalam konteks linguistik adalah berkisar tentang susun atur perkataan yang mempunyai makna. Unjuran ini berlaku sekiranya terdapat hubungan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain melalui ketetapan sistem linguistik iaitu *nahwu*. Melalui sistem *nahwu* ini, maka perbezaan makna yang wujud adalah berkait rapat dengan sifat dinamik iaitu hubungan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam ayat. (Balhaf, 2012)

Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan, *nazm* dalam konteks linguistik *nahwu* adalah berdasarkan contoh seperti aspek "*khabar*": زَيْدٌ مُنْطَلِقٌ (Zaid bertolak), زَيْدٌ يَنْطَلِقُ (Zaid sedang bertolak), يَنْطَلِقُ زَيْدٌ (Zaid sedang bertolak), مُنْطَلِقٌ زَيْدٌ (Orang yang bertolak ialah Zaid), زَيْدٌ الْمُنْطَلِقُ (Zaidlah orang yang bertolak), الْمُنْطَلِقُ زَيْدٌ (Orang yang bertolak ialah Zaid). Aspek

“*al-shart wa al-jaza*” *أنا خرجت خارج، أنا خارج إن خرجت، إن تخرج فأنا خارج، إن خرجت* .
خرجت، إن تخرج أخرج .

Kesemua aspek-aspek tersebut memiliki ciri khas yang berfungsi menjelaskan makna yang berbeza dan berlainan mengikut kedudukan lafaz dan sistem *nahwu*. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa *nazm* adalah keadaan perkataan yang menepati makna *nahwu*. Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan:

“*Ketahuilah bahawa tidak dapat dikatakan nazm kecuali kamu meletakkan pertuturan kamu berdasarkan kepada situasi yang dikehendaki oleh ilmu nahwu, kamu patuh pada disiplin ilmu nahwu dan prinsip-prinsipnya, kamu memahami pendekatan yang telah kamu susuli dan terapkan sehingga kamu tidak menyeleweng daripadanya, kamu memelihara garis panduan yang telah kamu lakarkan, jangan sampai menyalahi sedikit pun daripadanya*”.

Dalam tempat yang lain, beliau (1994) juga menjelaskan:

“*Nazm sebagaimana yang kami jelaskan ialah kepatuhan pada makna nahwu, hukumnya, perbezaannya, bentuknya dan kepatuhan kepada peraturan dan dasarnya*”.

Berdasarkan pemahaman yang dikemukakan oleh al-Jurjaniyy, makna *nahwu* merupakan kombinasi elemen-elemen perkataan khusus yang dibentuk berdasarkan sistem yang wujud antara subjek dan predikat. Subjek dan predikat merupakan dua elemen yang saling berkait dan memerlukan antara satu sama lain. Istilah subjek adalah meliputi elemen *mubtada'* (subjek yang dimulakan dengan isim), *fa'il* (subjek dalam ayat yang dimulakan dengan *fi'il mabniyy li al-ma'lum*), dan *naib fa'il* (subjek dalam ayat yang dimulakan dengan *fi'il mabniyy li al-majhul*). Manakala istilah predikat pula adalah meliputi elemen *khobar* (*isim* yang berada selepas *mubtada'*) *fa'il* (subjek yang berada selepas *fi'il*) (Ashafizrol, 2016)

Sistem yang dikemukakan ini turut melibatkan peranan *i'rab* yang berfungsi mengatur keselarasan dan keserasian hubungan antara perkataan iaitu subjek dan predikat, kata kerja dan objek. Justeru itu, makna *nahwu* yang dikemukakan oleh al-Jurjaniyy bukanlah berfungsi sebagai pemelihara kesalahan kaedah tatabahasa semata-mata, bahkan mencakupi keseluruhan makna istilah-istilah yang dikemukakan. Gambaran ini dinyatakan oleh al-Jurjaniyy (1994) seperti berikut:

Mereka berkata, “*Seandainya nazm itu berada pada ruang lingkup makna nahwu, maka sudah tentu orang Badwiyy yang belum pernah mendengar tentang nahwu dan tidak mengerti tentang subjek (mubtada') dan predikat (khobar), tidak akan menghasilkan nazm. Namun sekiranya mereka mendatangkan dengan nazm, maka mereka tidak mengerti apa yang berada di hadapan dalam ilmu nahwu*”. Mereka berkata, “*Kami mengetahui bahawa para sahabat RA dan ulama di awal penyebaran Islam tidak mengetahui tentang bahan, persembahan, sifat diri, sifat makna dan keseluruhan ibarat-ibarat yang disusun pada sesuatu ayat tersebut. Maka apabila orang Badwiyy mengetahui tentang perbezaan antara: جَاءَنِي زَيْدٌ*

رَأَيْتُ (Zaid datang kepada saya dalam keadaan berkenderaan) dan *جَاءَنِي زَيْدٌ الرَّكِيْبُ* (Zaid yang berkenderaan datang kepada saya), iaitu mengetahui perbezaan antara *رَأَيْتُ* adalah hal dan *رَأَيْتُ* adalah sifat bagi Zaid menurut perspektif ahli nahwu, maka tiada perbahasan yang berlaku terhadap mereka. Konsep yang sama dapat dilihat melalui susunan subjek dan predikat *زَيْدٌ مُنْطَلِقٌ* (Zaid bertolak) iaitu apabila mereka memahami bahawa Zaid adalah subjek (*mubtada'*), manakala *مُنْطَلِقٌ* adalah predikat (*khobar*)”.

Penjelasan yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa teori *nazm* meletakkan makna dan susunan sesuatu lafaz berdasarkan rangkaian makna di dalam hati sebagai satu

kepentingan yang utama. Fadl 'Abbas Hasan (1997) menyebut bahawa rantaian makna dalam *nazm* bermula dengan penyusunan makna yang dibicarakan sebelum susunan lafaz dibentuk berpandukan sistem-sistem *nahwu* yang ditetapkan.

Nazm Konteks Situasi

Dalam kerangka memahami makna sesuatu rantaian kata, latar atau keadaan yang wujud dalam susunan kata perlu diperincikan selain aspek *nahwu* yang perlu ditekankan. Ini menunjukkan bahawa, hubungan yang signifikan antara konteks linguistik (*nahwu*) dan konteks situasi adalah merupakan kunci utama dalam *nazm* (Nahar, 2008)

Al-Jurjaniyy (1994) menjelaskan bahawa bahagian-bahagian dalam sesuatu susunan kata itu adalah merupakan juzuk yang satu yang mempunyai hubungan yang utuh antara satu dengan yang lain melalui ikatan yang wujud antara lafaz kedua dengan yang pertama. Pemahaman yang dikemukakan ini merupakan asas utama dalam pembentukan makna sesuatu rantaian kata. Al-Jurjaniyy berkata:

"Keadaan ini umpama seorang tukang bina yang meletakkan tangan kanannya di sini, sedangkan dia meletakkan tangan kirinya di sana".

Perumpamaan tersebut menunjukkan ketinggian atau nilai sesuatu kata adalah diukur melalui kesesuaian makna atau kedudukan kata dalam rantaian tersebut. Sekiranya kata atau lafaz itu berdiri secara tunggal atau bersendirian, nilai yang ingin diketengahkan tidak akan tercapai (al-Jurjaniyy, 1994). Justeru itu, makna yang terkandung dalam sesuatu rantaian ayat bukan hanya dapat difahami melalui pembentukan atau gabungan beberapa kata atau lafaz sahaja, bahkan melibatkan hubung kait sejumlah ayat yang lebih banyak, seterusnya menampakkan bentuk perenggan sehingga terbentuknya satu rangkaian cerita, judul atau sebuah buku yang lengkap.


KONTEKS SITUASI DALAM HALLIDAY'S SYSTEMIC FUNCTIONAL LINGUISTICS (SFL)

Dalam memahami konteks situasi ini, para sarjana silam menggunakan istilah maqam yang menjelaskan tentang konteks situasi sebagaimana yang dinyatakan oleh para sarjana linguistik barat seperti Firth dan Halliday (Balhaf, 2012). Kedua-dua istilah ini mempunyai konsep dan tujuan yang sama iaitu menganalisis makna. Berdasarkan penafsiran yang dikemukakan oleh Firth, beliau telah membahagikan konteks situasi ini kepada beberapa elemen utama (Mohamad, 2016) iaitu:

1. Mereka yang terlibat dalam situasi tersebut (penutur, pendengar dan saksi)
2. Faktor yang berkait dengan situasi (masa, tempat, keadaan masyarakat, ekonomi)
3. Kesan yang terhasil daripada situasi (bahagia, sedih, gembira atau duka)

Al-Murashi (2016) menjelaskan, Halliday telah memperkenalkan satu kerangka teori yang lebih khusus berkaitan konteks situasi ini iaitu *Halliday's Systemic Functional Linguistics* (SFL) meletakkan tiga elemen utama yang melatari model konteks situasi ini iaitu:

1. *Field* (Bidang): Menjelaskan tentang sesuatu topik atau perkara yang menjadi perbincangan.
2. *Tenor* (Penglibatan): Menjelaskan tentang siapa dan apa hubungan antara mereka dalam konteks situasi perbualan ini.
3. *Mode* (Kegunaan bahasa): Menjelaskan tentang gaya penggunaan bahasa dalam konteks situasi perbualan ini.



Rajah 1.2: Peringkat Konteks situasi oleh Halliday (John, 2014)

Berdasarkan rajah di atas, beberapa elemen didapati terlibat dalam konteks situasi. Elemen tersebut adalah:

- f : Bidang
- t : Penglibatan
- m : Gaya bahasa
- j, k, l : Penutur, pendengar, peserta
- a : Makna perkataan
- b : Makna nahu
- c : Hasil yang diperolehi

Teori Halliday's SFL ini merupakan salah satu teori yang mendapat perhatian utama para pengkaji yang dikemukakan oleh salah seorang sarjana sekolah London iaitu Michael Alexander Kirkwood Halliday. Perkembangan ini memperlihatkan munculnya beberapa teori linguistik baharu bermula pada abad ke-20 sehingga menyaksikan terdapat perubahan dari sudut tren dan kaedah penggunaan teori tersebut dalam kajian bahasa.

Kajian *Systemic Functional Linguistics* (SFL) ini tercetus dan dimulakan oleh beberapa sarjana bahasa yang berpengaruh iaitu Bronislaw Malinowski dan J.R. Firth yang berpusat di England Britain (Almurashi, 2016). Hasilnya, SFL ini kemudiannya mula berkembang sekitar tahun 1960 di United Kingdom oleh pengasasnya iaitu M.A.K Halliday dan para pengikutnya yang kemudiannya tiba di Australia (O'Donnell, 2012). Dalam hal ini, pendekatan yang dikemukakan dalam SFL ini adalah bersesuaian dengan beberapa bidang kajian, antaranya analisis wacana, sosiologi dan konteks situasi atau keadaan.

Di samping itu juga, SFL ini meletakkan satu garis panduan yang jelas iaitu melihat sesuatu kajian bahasa melalui perspektif wacana yang dihasilkan dalam bentuk bertulis atau lisan dan melihat apa yang terkandung dalam ujian yang dihasilkan. Namun, elemen

yang berkaitan dengan data yang dihasilkan melalui kaedah sesuatu bahasa melalui proses dalam otak manusia adalah tidak termasuk dalam kaedah yang dikemukakan oleh SFL ini (Almurashi, 2016). Justeru itu, fungsi yang terdapat pada sesuatu bahasa tersebut membolehkan makna yang diperolehi dapat diterima dengan jelas dan nyata selain melihat kepada struktur dan cara pengkajian bahasa. (Matthiessen & Halliday, 1997)

Perbincangan sistem pemahaman terhadap sesuatu konteks bahasa ini adalah merangkumi bagaimana sesebuah sistem linguistik itu berfungsi. Dalam konteks ini, sistem linguistik yang diperkenalkan oleh Halliday iaitu *systemic functional linguistics* (SFL) dan Noam Chomsky *transformational generative linguistics* merupakan dua sistem yang paling penting dan berpengaruh dalam konteks kajian linguistik moden. Secara asasnya, kedua-dua sistem ini mempunyai implikasi terhadap kajian bahasa yang hampir sama. Namun, jurang perbezaan yang wujud antara dua sistem ini adalah besar (Almurashi, 2016).

Di samping itu, Halliday meletakkan satu kepercayaan bahawa, sistem linguistik seharusnya menerangkan konteks sesuatu ayat dengan beberapa fungsi yang berbeza tanpa melihat kepada susun atur ayat yang lebih mendalam. Walaubagaimanapun, beliau turut melihat fungsi sesuatu ayat dan perkataan yang terlibat melalui perspektif seseorang pengkaji dalam merencanakan sesuatu ayat (Matthiessen & Halliday, 1997) sebagaimana yang dijelaskan dalam *systemic functional grammar* (SFG) yang mengkaji bahasa melalui fungsi iaitu makna yang terkandung dalam sesuatu ayat. Dalam hal ini, skop dan tujuan seseorang pengkaji itu adalah perlu jelas kerana makna sesuatu ayat itu adalah bergantung kepada kefahaman pengkaji dalam melontarkan makna dalam ayat.

Berbeza dengan pendekatan yang diketengahkan oleh Noam Chomsky, sistem linguistik perlu dijelaskan melebihi daripada susun atur dalam ayat dan perlu melampaui struktur sintaksis. Dalam hal ini, tujuan utama sistem ini adalah untuk menjelaskan kenapa sesuatu struktur ayat itu di susun dalam keadaan yang sedemikian dan bukan dalam keadaan yang lain (Almurashi, 2016).

Secara umumnya, Noam Chomsky meletakkan satu indikator bentuk yang bebas berkaitan fungsi dan makna sesuatu konteks ayat. Walaubagaimanapun, Halliday tetap dengan pandangannya yang kukuh iaitu sesuatu bentuk ayat merupakan sesuatu yang terhasil dari fungsi dan makna sesuatu ayat (Bavali & Sadighi 2008).

Di samping itu, sarjana Leonard Bloomfield menegaskan bahawa, setiap ahli bahasa perlu menguasai bahasa lisan sebagai ganti kepada dokumen bertulis yang berfungsi menjelaskan makna dan maksud yang ingin disampaikan berasaskan perubahan masa. Dalam hal ini, pandangan Bloomfield adalah bercanggah dengan apa yang dikemukakan oleh Halliday yang melihat kepentingan utama linguistik adalah perlu berasaskan kajian bahasa melalui makna dan tidak hanya melihat perubahan masa (Matthiessen & Halliday, 1997).

Elemen Utama SFL

Dalam teori *Halliday' Systemic Functional Linguistics* ini, setiap teks akan dianalisis menggunakan empat pendekatan iaitu konteks, semantik, tatabahasa-leksikal dan fonologi. Menurut Matthiessen & Halliday (1997), konteks adalah merupakan elemen yang paling utama dalam menjelaskan keseluruhan proses penjelasan makna sesuatu ayat. Proses tersebut melibatkan dua aspek iaitu konteks kebudayaan dan konteks situasi.

Namun, model-model yang diperkenalkan oleh Halliday adalah menjurus kepada konteks situasi yang melibatkan tiga pecahan utama iaitu, *field*: (memberi petunjuk tentang topik atau apa yang sedang dibincangkan), *tenor*: (memberi petunjuk tentang siapa / terlibat dalam komunikasi dan hubungan di antara mereka), *mode*: (memberi petunjuk tentang bahagian bahasa yang bermain dalam interaksi dan bentuk apa yang diperlukan (ditulis atau bercakap).

Di samping itu juga, Almurashi (2016) menggambarkan terdapat tiga variabel yang turut digunakan untuk menjelaskan pemahaman intuitif manusia dalam beberapa sumber yang berbeza. Pertama wacana semantik (*Discourse-Semantics*) yang menjelaskan berkaitan fungsi-fungsi dalaman, idea dan teks. Kedua, tatabahasa leksikal (*Lexico-*

grammar) termasuk tatabahasa dan perbendaharaan kata dalam satu lapisan yang turut memberi gambaran terhadap lexis dan tatabahasa dalam sesuatu bahasa. Ketiga adalah fonologi, ortografi atau grafologi (*Phonology, Orthography or graphology*) yang merujuk kepada sistem bunyi, sistem pengkajian, dan sistem kata (Eggins, 2004).

Dalam konteks ini, dua variabel iaitu tatabahasa-leksikal dan wacana semantik menjelaskan satu sistem yang mempunyai peringkat pembolehubah yang tersendiri yang berfungsi untuk menjadikan makna sesuatu bahasa itu umum atau mempunyai pelbagai fungsi. Justeru itu, penjelasan yang dibuat berdasarkan model SFL adalah meliputi tiga pecahan yang melibatkan penggunaan bahasa manusia iaitu, ujikaji berdasarkan makna, perubahan makna dalaman dan makna mesej yang ingin disampaikan. (Eggins, 2004)

Pertama, ujikaji berdasarkan makna merupakan satu kaedah yang menjelaskan sumber tatabahasa bagi memperkukuh input yang berada sekeliling tentang apa yang sedang berlaku, di mana, bila dan bagaimana sesuatu itu berlaku. Justeru itu, salah satu sistem tatabahasa utamanya adalah diklasifikasikan sebagai *transitivity* (Matthiessen & Halliday 1997) yang dipecahkan kepada tiga aspek iaitu proses (secara lisan), peserta (manusia atau bukan manusia yang terlibat dalam proses) dan keadaan yang melibatkan proses (bila, dimana dan bagaimana)

Kedua adalah perubahan makna dalaman yang menjurus kepada interaksi antara penutur dan penerima yang berfungsi menjelaskan peranan penutur dalam sesuatu situasi percakapan dan hubungan yang wujud dengan yang lain. Matthiessen & Halliday (1997) menjelaskan salah satu sistem tatabahasa yang utama adalah melibatkan dua elemen iaitu *mood* dan *modality*.

Ketiga adalah makna teks yang berfungsi membentuk teks dan tatacara menyusun makna dalam sesuatu teks yang mempunyai nilai makna tertentu. Dalam hal ini, tema dan rema adalah dua elemen yang membentuk sistem yang utama dalam pembentukan teks yang sesuai dan tepat (Matthiessen & Halliday 1997).

Justeru itu, sistem yang wujud dalam SFL ini adalah merupakan satu teori linguistik 'terpakai' yang direka khas bagi menyelesaikan beberapa permasalahan yang timbul dalam kajian linguistik (Matthiessen & Halliday 1997). Tujuan utama pembentukan SFL ini adalah untuk menjadikan sistem bahasa yang wujud ini bersesuaian dengan situasi dan keadaan semasa yang mampu menyelesaikan masalah berkaitan bahasa (Halliday, 2008).

Di samping itu juga, SFL ini tidak hanya melibatkan kajian linguistik tradisional sahaja, bahkan melibatkan pelbagai bidang berbeza yang mempunyai perkaitan dengan bahasa seperti penjagaan kesihatan, linguistik computer, terjemahan, pendidikan dan para sarjana yang mengkaji sesuatu kajian dan aplikasi yang baharu (Matthiessen 2010). Selain dari itu, SFL turut merangkumi kajian berkaitan kohesi, analisis wacana, penilaian dan yang berkaitan bahasa pertuturan manusia. Justeru itu, para sarjana menjadikan SFL ini sebagai asas dalam kajian terhadap kemanusiaan dan sains sosial.

Beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa kajian khusus berkaitan bahasa dan manusia telah menggunakan teori SFL sebagai asas kajian mereka. Antaranya kajian pendidikan bahasa linguistik oleh Christie & Martin (1997), perkembangan bahasa kanak-kanak oleh Painter (1990), wacana media dan sejarah oleh Iedema (2003), pendidikan linguistik oleh Christie & Martin (1997), analisis wacana kritis oleh Bloor & Bloor (2007) dan kajian bahasa pentadbiran oleh Iedema (2003).

Di samping itu juga, teori SFL ini turut digunapakai dalam tatabahasa dalam beberapa model semiotik seperti seni dan visual oleh Ballantyre (1996) dan Kress & Leeuwen (2001). Justeru itu, teori SFL ini tidak hanya terpakai kepada kajian linguistik tradisional sahaja, bahkan sistem yang terdapat pada teori ini mencapah kepada kajian dalam pelbagai bidang berbeza. Berdasarkan pemerhatian umum yang dijalankan oleh beberapa sarjana moden mendapati, banyak penerbitan menerusi jurnal dan seminar menguna pakai teori SFL ini sebagai asas dalam kajian mereka (Almurashi, 2016).

PENUTUP

Hasil daripada penelitian kedua-dua teori ini, terdapat kelebihan dan kekuatan tersendiri yang berfungsi menjelaskan sesuatu ayat dalam konteks situasi yang tertentu. *Nazm al-Jurjaniyy* dilihat lebih cenderung kepada kajian teks berbentuk tatabahasa Arab yang meliputi al-Quran, hadis dan sastera yang banyak menggunakan elemen dalam teori tersebut.

Walaubagaimanapun, pendekatan teori SLR oleh Halliday dilihat lebih menyeluruh dengan kepelbagaian kajian yang telah dihasilkan berdasarkan pendekatan teori tersebut. Justeru itu, setiap teori ini adalah bersesuaian dengan konteks kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji mempunyai kelebihan untuk memilih sama ada pendekatan oleh al-Jurjaniyy atau Halliday bagi memastikan kajian yang dijalankan menepati setiap objektif yang digariskan.

RUJUKAN

- 'Abbas, Fadl Hassan. 1997. *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha: Ilmu Ma'aniyy*. 'Amman: Dar al-Furqan wa al-Tawzi'.
- Al-Jahiz, Abu 'Uthman 'Amr bin Bahr. 1968. *Al-Bayan wa al-Tabyyin*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Al-Jurjaniyy, 'Abd al-Qahir. 1994. *Dalail al-I'jaz*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Almurashi, Wael Abdul Rahman. 2016. *An Introduction to Halliday's Systemic Functional Linguistics*. Journal for the Study of English Linguistics. V4(1). 70-80.
- Al-Raziyy, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar. 1981. *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad, Najah. 2006. *Athar Istikhdam Nazariyyat al-Nazm 'Inda 'Abd Qahir al-Jurjaniyy Fi Tanmiyyat al-Tazawwuq al-Balaghiyy*. Riyad: Maktabat al-'Abikan.
- Ashafizrol Abdul Hamid. 2016. *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Alor Star: Alasfiyaa Sdn.Bhd.
- Al-Zamakhshariyy, Muhammad bin 'Umar. 1987. *Al-Kashshaf 'An Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Balhaf, 'Ammar Fa'il Muhammad. 2012. *Min Mazahir al-Iltiqah Bayna Fikr 'Abd Qahir Fi al-Nazm Wa Ba'd Mabadi' al-Lughawiyah Li Madrasah London*. Jurnal Majallah al-Dirasat al-Lughawiyah Wa al-Adabiyah, 2, 5-38.
- Bavali, M., & Sadighi, F. 2008. *Chomsky's Universal Grammar and Halliday's Systemic Functional Linguistics: An Appraisal and a Compromise*. Journal of Pan-Pacific Association of Applied Linguistics, 12(1).
- Eggs, Suzanne. 2004. *An Introduction To Systemic Functional Linguistics*. London: Continuum International Publishing Group.
- Halliday, M.A.K & Matthiessen, Christian M.I.M. 2004. *An Introduction to Functional Grammar*. United States of America: Oxford University Press Inc.
- Ibn Faris, Abu Ahmad bin Faris bin Zakaria. 1994. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Jalal al-Din. 1994. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Lisan al-'Arab.
- Matthiessen, Christian M.I.M, & Halliday, M.A.K. 1997. *Systemic functional grammar*. 1st Ed.
- Mohamad, Hussin. 2016. *Elemen Bayan dalam Amthal Rasulullah S.A.W*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Tamman, Hassan. 2006. *Al-Lughah al-'Arabiyah; Ma'naha Wa Manaha*, Kaherah: Dar Gharib Li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.